



TAKAFUL IKHLAS GENERAL BERHAD (1233870-A)

IKHLAS Point, Tower 11A, Avenue 5, Bangsar South, No.8, Jalan Kerinchi, 59200 Kuala Lumpur
T: +603-2723 9696 F: +603-2723 9998 **Website:** www.takaful-ikhlas.com.my
(Licensed under Islamic Financial Services Act 2013 and regulated by Bank Negara Malaysia)

SIJIL IKHLAS COMMERCIAL VEHICLE TAKAFUL

SALAM SEJAHTERA DAN TERIMA KASIH

Kerana memilih Kami sebagai penyedia Takaful Kenderaan Perdagangan Anda.

PENGENALAN

Peserta dan Pihak Syarikat bersetuju bahawa:

1. Mana-mana jenis perlindungan yang berikut boleh diterima pakai:-
 - (a) Komprehensif – Seksyen A dan B dalam Sijil ini diterima pakai
 - (b) Pihak Ketiga Sahaja – Hanya Seksyen B diterima pakai
2. Ia adalah satu kesalahan di bawah undang-undang Republik Singapura jika memasuki negara itu tanpa melanjutkan Takaful kenderaan bermotor Peserta kepada perlindungan liabiliti penumpang.
3. Semua kemalangan hendaklah dilaporkan kepada pihak polis dalam tempoh dua puluh empat (24) jam
4. Semua Endorsmen, Fasal atau Waranti yang dilampirkan secara berasingan pada Sijil ini juga diterima pakai.
5. Borang Cadangan ini akan termaktub dan menjadi asas kepada Sijil ini.
6. Peserta bersetuju untuk membayar Sumbangan seperti yang dinyatakan di dalam Jadual.
7. Borang Cadangan yang dilengkapkan dengan penuh dan benar, akan menjadi pra-syarat kepada sebarang tanggungan Pihak Syarikat.
8. Perlindungan Takaful ini adalah tertakluk kepada terma-terma yang terkandung di dalam Sijil ini merangkumi peruntukan-peruntukan had kawasan dan tempoh perlindungan Takaful seperti yang dinyatakan di dalam Jadual.
9. Perkaitan di antara pihak Syarikat dengan Peserta di dalam Sijil ini, adalah tertakluk dan diterjemahkan mengikut Undang-undang Malaysia.

PERJANJIAN KITA

Kontrak Takaful Komersial (Takaful bagi tujuan komersial, perniagaan atau profesion)

Sijil dikeluarkan sejajar dengan pembayaran dari Sumbangan yang ditentukan dalam Jadual Sijil dan menurut kepada kenyataan yang telah dikemukakan di dalam Borang Cadangan (atau semasa permohonan takaful ini) dan segala kenyataan yang telah dibuat oleh Peserta pada atau semasa penyerahan Borang Cadangan (atau semasa permohonan takaful ini) dan pada masa perjanjian ini ditandatangani. Jawapan dan sebarang pernyataan lain yang Peserta berikan akan menjadi sebahagian daripada kontrak takaful antara Peserta dan pihak Syarikat. Sekiranya terdapat sebarang salah nyata pada pra-kontrak berhubung dengan jawapan Peserta atau di mana-mana pernyataan yang diberikan oleh Peserta, ia mungkin mengakibatkan pembatalan kontrak takaful, keengganan atau pengurangan ganti rugi, perubahan terma atau penamatan kontrak takaful Peserta.

Syarikat akan melindungi Peserta terhadap kerugian, kerosakan atau liabiliti seperti yang dinyatakan di dalam Sijil ini, yang berlaku semasa Tempoh Sijil sewaktu kenderaan bermotor berada di atas jalan raya atau disimpan sementara di dalam garaj semasa dalam perjalanan ke tempat lain kecuali di premis atau premis perniagaan kepunyaan Peserta.

Sijil ini bertindak atas terma-terma dan syarat-syarat kontrak takaful seperti yang telah dipersetujui antara Peserta dan pihak Syarikat.

DEFINISI

Di bawah Sijil ini:

1. **"Aksesori"** bermaksud alat standard kenderaan bermotor, termasuk tayar ganti, dan boleh termasuk radio/pemain kaset/pemain cakera padat dan seumpamanya jika tercatat di dalam Jadual.
2. **"Aktiviti Keganasan"** bermaksud sesuatu perbuatan termasuk tetapi tidak terbatas kepada penggunaan kekerasan atau keganasan dan/atau ugutan oleh mana-mana orang atau kumpulan, sama ada secara persendirian atau bagi pihak orang lain atau berkaitan dengan mana-mana organisasi atau kerajaan, dilakukan kerana politik, agama, ideologi atau tujuan-tujuan seperti yang termasuk bertujuan untuk mempengaruhi mana-mana kerajaan dan/atau untuk menyebabkan orang awam atau mana-mana pihak awam berada dalam ketakutan.
3. **"Pemandu yang Diberi Kuasa"** seperti yang tertera di dalam Sijil.
4. **"Sijil"** bermaksud terdiri daripada semua Borang Cadangan dan Jadual yang dilampirkan bersama dengan Sijil ini hendaklah menjadi pelengkap antara satu sama lain.
5. **"Penipuan"** seperti yang didefinisikan di dalam Kanun Keseksan adalah sesiapa yang memperdayakan orang lain, sama ada penipuan tersebut berupa dorongan tunggal atau utama:-
 - (a) dengan menipu atau secara tidak jujur mendorong orang yang terpedaya untuk menghantar sebarang harta kepada seseorang, atau untuk menyetujui mana-mana orang boleh menyimpan apa-apa harta, atau
 - (b) dengan sengaja mendorong orang yang diperdayakan demikian membuat atau meninggalkan untuk membuat apa-apa yang mana orang itu tidak akan berbuat yang demikian sekiranya tidak diperdayakan dan tindakan yang demikian menyebabkan atau mungkin menyebabkan kerosakan atau mudarat kepada badan, ingatan, reputasi atau harta mana-mana orang, adalah dikatakan "menipu".
6. **"pihak Syarikat, Kami"** bermaksud Takaful Ikhlas General Berhad, penggantinya atau pemegang serah hak termasuk mana-mana anak-anak syarikat milik penuh dan berkaitan dengan MNRB Holdings Berhad atau Takaful Ikhlas Berhad atau mana-mana penyedia perkhidmatan yang dilantik.

ATTACHING TO AND FORMING PART OF TAKAFUL CERTIFICATE NO:

7. **“Jenayah Pecah Amanah”** seperti yang didefinisikan di dalam Kanun Keseksaan adalah sesiapa, yang telah diamanahkan dengan harta sama ada secara sendirian atau bersejajanya dengan mana-mana orang lain, atau dengan apa-apa kuasa ke atas harta tersebut, dengan curangnya menyalah-gunakan harta itu atau menjadikannya bagi kegunaannya sendiri, atau dengan curangnya menggunakan atau melepaskan harta itu dengan melanggar apa-apa arahan undang-undang yang menetapkan cara bagaimana amanah tersebut harus disempurnakan, atau apa-apa kontrak di sisi undang-undang, yang nyata atau yang disifatkan ada, yang ia telah buat mengenai penyempurnaan amanah itu, atau dengan bersengaja membiarkan mana-mana orang lain berbuat demikian itu, adalah melakukan "Jenayah Pecah Amanah".
8. **“Endorsmen”** perubahan bertulis kepada terma-terma, syarat-syarat dan had-had Sijil yang ditunjukkan di dalam Jadual.
9. **“Kawasan Geografi”** merujuk kepada Malaysia, Republik Singapura dan Negara Brunei Darussalam.
10. **“Ahli keluarga”** merujuk kepada semua ahli keluarga yang terdekat (iaitu suami/isteri, anak-anak termasuk anak angkat yang sah, ibu bapa, dan adik-beradik).
11. **“Perundangan”** merujuk kepada Akta Pengangkutan Jalan 1987 (Malaysia) Motor Vehicles (Third Party Risks and Compensation) Act (Cap 189) Republic of Singapore Motor Vehicles (Third Party Risks and Compensation) Rules 1960 Republic Of Singapore Motor Vehicles Insurance (Third Party Risks) Act (Cap 90) Negara Brunei Darussalam (rujukan kepada perundangan di bawah tajuk "Pengelakan Sesetengah Terma Dan Hak Tuntut Balik") adalah terhad kepada Seksyen 94, 95 dan 96 Akta Pengangkutan Jalan 1987 (Malaysia) Section 7, 8 and 9 of the Motor Vehicles (Third Party Risks and Compensation) Act (Cap 189) Republic of Singapore and Section 7 of the Motor Vehicles Insurance (Third Party Risks) Act (Cap 90) Negara Brunei Darussalam.
12. **“Had Penggunaan”** seperti yang tertera di dalam Sijil.
13. **“Tempoh Takaful”** bermaksud tempoh Takaful yang tertera di dalam Jadual.
14. **“Cadangan”** bermaksud Borang Cadangan yang telah ditandatangani oleh Peserta dan segala maklumat yang diberikan kepada Pihak Syarikat oleh Peserta atau sesiapa yang bertindak bagi pihak Peserta.
15. **“Qard”** bermaksud kontrak pinjaman wang dimana peminjam bertanggungjawab untuk membayar balik jumlah yang sama kepada pemberi pinjaman
16. **“Pembaik”** bermaksud bengkel membaiki kenderaan di bawah Skim Bengkel Pembaikan yang diluluskan oleh PIAM.
17. **“Dana Risiko”** bermaksud kumpulan dana yang berasaskan kepada konsep Tabarru' yang memberikan perlindungan dan pampasan bersama di kalangan peserta-peserta.
18. **“Jadual”** bermaksud Jadual Sijil di mana kedua-dua butiran yang dilindungi dan Amaun Perlindungan dinyatakan.
19. **“Amaun Perlindungan”** bermaksud jumlah yang Peserta Takaful telah melindungi ke atas harta Peserta Takaful seperti yang ditunjukkan di dalam Jadual.
20. **“Tabarru'”** bermaksud derma bagi tujuan perpaduan dan kerjasama di kalangan Peserta dan akan digunakan untuk membantu semua Peserta yang ditimpa musibah. Di dalam konteks pihak Syarikat, Tabarru' akan diperuntukan ke dalam Dana Risiko Peserta.
21. **“Takaful”** bermaksud suatu skim berasaskan persaudaraan, perpaduan dan bantuan bersama yang menyediakan pertolongan dan bantuan kewangan kepada Peserta jika diperlukan yang dengannya Peserta sama-sama bersetuju untuk memberi Sumbangan bagi maksud itu.
22. **“Perniagaan Takaful”** bermaksud urusan niaga berkaitan dengan pentadbiran, pengurusan dan operasi Dana Takaful bagi pihak Peserta Takaful yang melibatkan elemen-elemen seperti pelaburan, simpanan dan transaksi tuntutan dan Retakaful dan frasa yang merujuk kepada menjalankan Perniagaan Takaful termasuk semua atau apa juga aktiviti yang ditetapkan di dalam perenggan 5(4)(a) Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013.
23. **“Sumbangan”** bermaksud sebarang jumlah yang perlu dibayar oleh Peserta yang dikehendaki oleh pihak Syarikat untuk menyertai pelan Takaful.
24. **“Peserta, Anda”** bermaksud individu yang tertera namanya di dalam Jadual sebagai “Peserta”.
25. **“Kenderaan Peserta”** merujuk kepada kenderaan dan Aksesoriya termasuk yang dinyatakan di dalam Jadual Sijil.
26. **“Wakalah”** merujuk kepada kontrak di mana satu pihak, sebagai prinsipal (*muwakkil*) membenarkan pihak lain sebagai ejen (*wakil*) untuk melaksanakan tugas tertentu dalam hal-hal yang boleh diwakilkan, dengan atau tanpa mengenakan bayaran. Di dalam konteks pihak Syarikat, Kami dilantik sebagai ejen (*wakil*) untuk melaksanakan Perniagaan Takaful, dan fi Wakalah (*Ujrah*) akan dibayar kepada pihak Syarikat.

SEKSYEN A – KERUGIAN ATAU KEROSAKAN PADA KENDERAAN

1. Pihak Syarikat akan melindungi Kenderaan Peserta sekiranya ia rosak atau hilang dalam keadaan berikut:-
 - (a) berlanggar atau terbalik akibat kemalangan,
 - (b) berlanggar atau terbalik akibat kerosakan mekanikal,
 - (c) berlanggar atau terbalik akibat haus dan lusuh,

ATTACHING TO AND FORMING PART OF TAKAFUL CERTIFICATE NO:

- (d) rosak akibat dihempap oleh objek jatuh, dengan syarat tidak bersabit dengan banjir, taufan, hurikan, ribut, ribut kencang, letusan gunung berapi, gempa bumi, tanah runtuh, gelinciran tanah, penurunan atau penenggelaman tanah ataupun konvulsi semula jadi yang lain,
- (e) kebakaran, letupan atau kilat,
- (f) pecah-masuk, pecah rumah atau kecurian,
- (g) perbuatan niat jahat,
- (h) semasa dalam transit (termasuk semasa punggah memunggah) melalui:
 - i) jalan raya, rel, laluan air pedalaman.
 - ii) laluan laut terus merentasi selat antara Pulau Pinang dengan semenanjung.

2. Asas penyelesaian

- (a) Pihak Syarikat akan, mengikut pilihan Pihak Syarikat
 - i) membayar kos memperbaiki Kenderaan Peserta, atau
 - ii) membayar secara tunai, amaun kerugian atau kerosakan Kenderaan Peserta, atau
 - iii) membaik pulih atau menggantikan Kenderaan Peserta.
- (b) Jumlah maksimum yang akan Pihak Syarikat bayar ialah nilai pasaran Kenderaan Peserta pada masa kerugian, atau Amaun Perlindungan dalam Sijil, mengikut mana yang lebih rendah.
- (c) Sekiranya Kenderaan Peserta, pada masa berlakunya kerugian atau kerosakan, dilindungi pada jumlah kurang daripada nilai pasarnya, maka Peserta hendaklah dianggap sebagai penanggung Takaful sendiri bagi perbezaan tersebut dan hendaklah menanggung perkadaran setimpal bagi kerugian itu. Dengan syarat, ianya tidak akan diterima pakai melainkan nilai pasaran pada masa berlakunya kerugian melebihi Amaun Perlindungan sebanyak 10% atau lebih.
- (d) Nilai pasaran Kenderaan Peserta akan ditentukan, sekiranya berlaku pertikaian, oleh Ibu Pejabat Pemegang Francais, dan nilai ini hendaklah sama dengan kos pembelian kenderaan gantian dengan buatan, model dan usia yang sama dengan Kenderaan Peserta pada masa kerugian.
- (e) Sekiranya tidak ada Pemegang Francais untuk buatan Kenderaan Peserta, maka nilai pasaran kenderaan akan ditentukan oleh Pelaras Kerugian yang berlesen di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam (APKI), 2013 dan Perundangan berikutnya yang dipersetujui bersama oleh Peserta dan Pihak Syarikat.
- (f) Penilaian yang dibuat oleh Ibu Pejabat Pemegang Francais yang berkenaan atau Pelaras Kerugian yang berlesen di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam (APKI), 2013 dan Perundangan berikutnya akan menjadi bukti muktamad berhubung dengan nilai pasaran Kenderaan Peserta untuk sebarang prosiding undang-undang terhadap Pihak Syarikat.
- (g) Jumlah maksimum yang akan Pihak Syarikat bayar bagi kos pembaikan terhadap Kenderaan Peserta adalah perbelanjaan yang perlu ditanggung bagi memulihkan kerosakan Kenderaan Peserta kepada keadaan sebelum kemalangan (atau kepada keadaan yang sehampir mungkin yang munasabah seperti sebelum kemalangan). Sekiranya alat francais baru digunakan, Peserta akan menanggung bahagian 'betterment' atas penggantian alat francais mengikut skala berikut:-

Umur Kenderaan/Tahun	Kadar untuk 'Betterment' (Tidak melebihi % berikut)
Kurang dari 5 tahun	0
5	15
6	20
7	25
8	30
9	35
10 dan ke atas	40

Asas berikut hendaklah digunakan dalam menentukan umur kenderaan:-

Umur kenderaan berdasarkan pada:-

Kenderaan baru	Tarikh pendaftaran
Kenderaan tempatan terpakai/ telah digunakan.....	Tarikh pendaftaran asal
Kenderaan import terpakai/ telah digunakan.....	Tahun buatan
Kenderaan import 'reconditioned'	Tahun buatan

Pengenaan 'betterment' adalah atas budi bicara Pihak Syarikat. Skala 'betterment' merupakan kadar maksimum 'betterment' yang boleh diguna pakai.

3. Pengangkutan kenderaan yang rosak

Pihak Syarikat akan membayar Peserta sehingga maksimum RM200.00 sebagai upah tunda untuk membawa Kenderaan Peserta, sama ada ke bengkel membaiki kereta yang terdekat, atau menunda kenderaan untuk dihantar pulang ke alamat Peserta seperti dinyatakan di dalam Jadual, atau menunda ke tempat selamat untuk disimpan, dengan syarat kerosakan Kenderaan Peserta diakibatkan oleh kenderaan seperti yang dinyatakan dalam sekyen ini.

ATTACHING TO AND FORMING PART OF TAKAFUL CERTIFICATE NO:

PENGECUALIAN (DIGUNA PAKAI UNTUK SEKSYEN A SAHAJA)

1. Pihak Syarikat tidak akan membayar bagi:
 - (a) segala kerugian turutan.
 - (b) kehilangan kegunaan Kenderaan Peserta
 - (c) susut nilai, haus dan lusuh, karat dan kakisan, kelesuan logam kerosakan mekanikal atau elektrik atau elektronik, kepincangan tugas peralatan atau komputer, kegagalan atau pecahnya mana-mana bahagian Kenderaan Peserta kecuali pecahnya cermin hadapan/ belakang, tingkap atau tingkap bumbung termasuk filem salutan/ filem penapis cahaya, jika ada.
 - (d) kerosakan disebabkan oleh muatan yang berlebihan atau terlalu berat.
 - (e) kerosakan disebabkan oleh letupan apa-apa dandang yang menjadi sebahagian daripada atau dipasang pada atau atas Kenderaan Peserta.
 - (f) kerosakan pada tayar Kenderaan Peserta kecuali Kenderaan Peserta rosak pada masa yang sama.
 - (g) apa-apa kerugian atau kerosakan yang disebabkan oleh, atau berpunca daripada perbuatan Penipuan/ Jenayah Pecah Amanah oleh seseorang mengikut makna definisi kesalahan Penipuan/ Jenayah Pecah Amanah seperti yang terdapat di dalam Kanun Keseksaan.
 - (h) eksekusi seperti yang dinyatakan di dalam Jadual.
 - (i) kegagalan atau ketidakupayaan mana-mana peralatan atau program komputer untuk mengenal atau mentafsir dengan betul atau memproses mana-mana tarikh sebagai tarikh benar atau betul untuk terus berfungsi dengan betul selepas tarikh itu.

SEKSYEN B – LIABILITI TERHADAP PIHAK KETIGA

1. Pihak Syarikat akan melindungi Peserta atau Pemandu yang Diberi Kuasa oleh Peserta untuk suatu jumlah yang Peserta atau Pemandu yang Diberi Kuasa oleh Peserta perlu bayar mengikut undang-undang (termasuk kos dan perbelanjaan pihak yang menuntut) terhadap kemalangan yang disebabkan oleh atau berpunca daripada penggunaan Kenderaan Peserta atau berkaitan dengan punggah-memunggah daripadanya bagi:-
 - (a) kematian atau kecederaan anggota kepada mana-mana orang kecuali yang dinyatakan secara khusus di bawah Pengecualian kepada Seksyen B
 - (b) kerosakan kepada harta akibat kemalangan yang berpunca daripada penggunaan Kenderaan Peserta dengan syarat Pemandu yang Diberi Kuasa oleh Peserta juga mematuhi semua terma dan syarat Sijil seperti yang dikenakan ke atas Peserta .

2. Had liabiliti Pihak Syarikat

Jumlah keseluruhan liabiliti Pihak Syarikat di bawah Seksyen B1(a) adalah tidak terhad

Jumlah keseluruhan liabiliti Pihak Syarikat di bawah Seksyen B1(b) terhad kepada RM3 juta

berhubung dengan mana-mana tuntutan atau satu siri tuntutan yang timbul daripada satu peristiwa

3. Menunda kenderaan yang rosak

Pihak Syarikat akan bertanggungjawab terhadap liabiliti yang ternyata di bawah Seksyen B1(a) dan Seksyen B1(b) jika Kenderaan Peserta digunakan untuk menunda mana-mana kenderaan bermotor yang rosak. Dengan syarat:

- (a) kenderaan yang ditunda bukan ditunda untuk ganjaran.
- (b) Pihak Syarikat tidak bertanggungjawab terhadap kerugian atau kerosakan kepada kenderaan yang ditunda atau harta yang dibawanya.

4. Perlindungan untuk wakil di sisi undang-undang

Berikutan kematian mana-mana orang yang dilindungi di bawah Sijil ini, Pihak Syarikat akan menanggung rugi wakil di sisi undang-undang orang tersebut untuk liabiliti yang dilindungi di bawah seksyen ini, dengan syarat wakil berkenaan mematuhi semua terma dan syarat Sijil ini.

5. Kos undang-undang

Pihak Syarikat akan membayar kos undang-undang tertanggung sehingga maksimum RM2,000.00 untuk membela mana-mana pertuduhan termasuk pertuduhan menyebabkan kematian dengan memandu Kenderaan Bermotor (selain daripada pembunuhan), sekiranya persetujuan bertulis Pihak Syarikat telah diperolehi terlebih dahulu.

PENGECUALIAN (DIGUNA PAKAI UNTUK SEKSYEN B SAHAJA)

1. Pihak Syarikat tidak akan membayar bagi:
 - (a) kematian atau kecederaan anggota ke atas mana-mana orang atau kerosakan kepada harta disebabkan atau berpunca di luar had mana-mana laluan kenderaan atau jalan raya awam berkaitan dengan pemunggahan ke atas dan daripada Kenderaan Peserta.

ATTACHING TO AND FORMING PART OF TAKAFUL CERTIFICATE NO:

- (b) kematian atau kecederaan anggota mana-mana orang yang kematian atau kecederaan tersebut berlaku berpunca daripada dan semasa orang berkenaan bekerja dengan Peserta atau Pemandu yang Diberi Kuasa oleh Peserta.
- (c) kematian atau kecederaan anggota mana-mana orang yang sedang dibawa di dalam atau sedang menaiki atau masuk atau turun dari Kenderaan Peserta (kecuali dia dikehendaki dibawa di dalam atau di atas Kenderaan Peserta dengan sebab atau bagi tujuan melaksanakan kontrak pekerjaannya dengan Peserta dan/atau Pemandu yang Diberi Kuasa oleh Peserta dan/atau majikannya).
- (d) kerosakan terhadap harta kepunyaan atau di bawah jagaan atau di bawah kawalan atau diamanahkan kepada Peserta dan/atau Pemandu yang Diberi Kuasa oleh Peserta dan/atau mana-mana Ahli Keluarga Peserta dan/atau Pemandu yang Diberi Kuasa oleh Peserta.
- (e) kerosakan mana-mana jambatan, jambatan timbang atau jejambat atau jalan atau benda yang berada di bawahnya akibat getaran atau berat Kenderaan Peserta atau muatan yang dibawa oleh Kenderaan Peserta.
- (f) kerosakan harta yang disebabkan oleh atau berpunca daripada letupan dandang yang menjadi sebahagian daripada, dipasang pada atau atas Kenderaan Peserta.
- (g) kematian atau kecederaan anggota disebabkan oleh atau berpunca daripada letupan dandang yang menjadi sebahagian daripada, dipasang pada atau atas Kenderaan Peserta kecuali ia diperlukan untuk memenuhi kehendak perundangan.
- (h) apa-apa tuntutan yang dibawa ke mahkamah terhadap mana-mana orang di mana-mana negara di luar Kawasan Geografi.
- (i) semua kos dan perbelanjaan perundangan yang tidak bertanggung atau boleh dituntut baik di Kawasan Geografi.

DISKAUN TANPA TUNTUTAN

Jika tiada tuntutan dibuat atau timbul daripada Sijil Peserta dan dengan syarat Kenderaan Peserta dilindungi dengan Pihak Syarikat untuk tempoh berterusan selama dua belas (12) bulan di dalam setiap keadaan di bawah ini, Peserta layak mendapat Diskaun Tanpa Tuntutan semasa membarui Sijil seperti berikut:

Tempoh Takaful	Diskaun
Selepas tahun pertama Takaful	15%
Selepas tahun kedua Takaful	20%
Selepas tiga tahun atau lebih Takaful	25%

Jika Pihak Syarikat bersetuju memindahkan kepentingan dalam Sijil ini, tempoh kepentingan di atas nama Peserta tidak akan terakru untuk manfaat baru.

Jika lebih daripada satu (1) kenderaan bermotor yang dinyatakan di dalam Jadual, Diskaun Tanpa Tuntutan hendaklah diguna pakai seolah-olah satu Sijil yang berasingan telah dikeluarkan berhubung dengan setiap kenderaan bermotor berkenaan.

PENGELAKKAN SESETENGAH TERMA DAN HAK TUNTUT BALIK

1. Hak Peserta atau hak mana-mana orang lain untuk memperolehi indemniti berdasarkan Perundangan atau Perjanjian yang dimeterai antara Menteri Pengangkutan bagi Pihak Kerajaan Malaysia dengan "Motor Insurers' Bureau of West Malaysia" pada 30 Mac, 1992, atau Perjanjian yang dimeterai antara Kerajaan Singapura dengan "Motor Insurers' Bureau of Singapore" pada 22 Februari 1975, tidak akan terjejas walau apapun.
2. Walaubagaimanapun, sekiranya Pihak Syarikat dikenakan apa-apa bayaran akibat Perundangan atau Perjanjian tersebut yang jika tidak kerananya Pihak Syarikat tidak ada liabiliti untuk membayar, Peserta hendaklah membayar balik kepada Pihak Syarikat wang yang telah Pihak Syarikat bayar itu.

PENGECUALIAN AM (DIGUNA PAKAI UNTUK KESELURUHAN SIJIL)

Pihak Syarikat tidak akan membayar apa-apa liabiliti dalam keadaan berikut:-

1. Jika Peserta atau mana-mana orang yang Peserta beri kebenaran tidak mempunyai lesen untuk memandu kenderaan tersebut kecuali sekiranya Peserta atau mana-mana orang yang Peserta beri kebenaran pernah memegang dan tidak hilang kelayakan daripada memegang atau mendapatkan lesen untuk memandu Kenderaan Peserta di bawah mana-mana undang-undang, undang-undang kecil dan peraturan yang diperlukan.
2. Jika Peserta atau Pemandu yang Diberi Kuasa oleh Peserta memandu Kenderaan Peserta di bawah pengaruh minuman keras atau dadah sehingga tahap yang menyebabkan tidak dapat mengawal Kenderaan Peserta.
3. (a) Apa-apa kerugian, kerosakan atau liabiliti disebabkan oleh Kenderaan Peserta yang digunakan untuk tujuan yang tidak sah di sisi undang-undang atau telah digunakan selain yang diperuntukan di bawah had penggunaan oleh Peserta atau oleh orang lain dengan persetujuan Peserta.
- (b) Apa-apa kemalangan, kerugian, kerosakan atau liabiliti yang disebabkan, dialami atau ditanggung semasa Kenderaan Peserta berhubung dengan indemniti yang diperuntukan dibawah Sijil ini telah dipandu oleh mana-mana orang selain pemandu yang dibenarkan atau seseorang yang memandu dengan arahan Peserta atau dengan kebenaran Peserta.
4. Jika apa-apa kerugian, kerosakan atau liabiliti disebabkan oleh serangan, peperangan (sama ada peperangan yang diisytiharkan atau tidak diisytiharkan), operasi seakan peperangan, perbuatan musuh asing, permusuhan, peperangan sivil, Aktiviti Keganasan, mogok, rusuhan,

ATTACHING TO AND FORMING PART OF TAKAFUL CERTIFICATE NO:

- kekecohan awam, dahagi, pemberontakan, revolusi tentera atau rampasan kuasa sama ada diakibatkan secara langsung atau tidak langsung oleh keadaan-keadaan yang tersebut di atas.
5. Jika kerugian, kerosakan atau liabiliti yang secara langsung atau tidak langsung disebabkan atau diakibatkan oleh atau timbul akibat banjir, taufan, hurikan, ribut, ribut kencang, letusan gunung berapi, gempa bumi, tanah runtuh, gelinciran tanah, penurunan atau penenggelaman tanah atau konvulsi semulajadi lain.
 6. Jika Kenderaan Peserta digunakan untuk atau semasa diuji sebagai persediaan untuk mana-mana perlumbaan atau pertandingan (selain acara mencari harta karun). Ini termasuk (tetapi tidak terhad kepada) ujian kebolehpercayaan, ujian mendaki bukit dan rali.
 7. Jika berlaku apa-apa kemalangan atau kerosakan, Kenderaan Peserta ditinggalkan tanpa dijaga dan tiada langkah sewajarnya diambil bagi menghalang kerugian atau kerosakan selanjutnya, dan jika Kenderaan Peserta dipandu dalam keadaan ia tidak layak digunakan di jalan raya sebelum pembaikan yang perlu dibuat, apa-apa kerosakan tambahan atau kerosakan selanjutnya pada Kenderaan Peserta akan dikecualikan daripada perlindungan Sijil ini.
 8. Apa-apa kerosakan, kerugian, kemalangan atau liabiliti yang disebabkan, dialami atau tertanggung di luar Kawasan Geografi. Bagi liabiliti di Malaysia, penghadan-penghadan Akta diterima pakai.
 9. Jika apa-apa liabiliti berbangkit daripada sesuatu perjanjian yang mana tanpa perjanjian tersebut Pihak Syarikat tidak ada liabiliti.
 10. (a) Apa-apa kemalangan kerugian atau kerosakan pada mana-mana harta walaupun apapun atau apa-apa kerugian atau perbelanjaan walau apapun akibat atau timbul daripadanya atau apa-apa kerugian turutan.
(b) Apa-apa liabiliti walaupun sifatnya.
yang secara langsung atau tidak langsung disebabkan atau diakibatkan oleh atau timbul dariada pancaran pengionan atau pencemaran radioaktif daripada apa-apa bahan api nuklear atau daripada apa-apa bahan buangan nuklear daripada pembakaran bahan api nuklear. Bagi tujuan pengecualian ini, pembakaran termasuk apa-apa proses pembelahan nuklear yang mampu diri.
 11. Apa-apa kemalangan, kerugian, kerosakan atau liabiliti yang secara langsung atau tidak langsung disebabkan atau diakibatkan oleh atau timbul daripada bahan dan senjata nuklear.

Jika terdapat undang-undang dinyatakan di dalam seksyen di dalam Sijil ini yang bertajuk "Pengelakan Sesetengah Terma dan Hak Tuntutan Balik" atau di dalam Jadual Sijil di bawah tajuk "Perundangan", semua rujukan kepada seksyen tertentu undang-undang sedemikian adalah dianggap terbatal supaya rujukan kepada undang-undang sedemikian akan diterima pakai pada setiap undang-undang keseluruhannya.

SYARAT-SYARAT (DIGUNA PAKAI UNTUK KESELURUHAN SIJIL)

Borang Cadangan termasuk semua Borang Cadangan dan Jadual berikutnya yang dilampirkan hendaklah dibaca bersama-sama dan hendaklah menjadi pelengkap Sijil ini. Mana-mana perkataan atau ungkapan yang mempunyai maksud tertentu dan telah disertakan di dalam mana-mana bahagian Borang Cadangan, di dalam Jadual, atau Sijil ini hendaklah membawa makna yang sama apabila ia tercatat.

**1. KEWAJIPAN PENDEDAHAN
Kontrak Takaful Komersial**

Sijil dikeluarkan sejajar dengan pembayaran dari Sumbangan yang ditentukan dalam Jadual Sijil dan menurut kepada kenyataan yang telah dikemukakan di dalam Borang Cadangan (atau semasa permohonan takaful ini) dan segala kenyataan yang telah dibuat oleh Peserta pada atau semasa penyerahan Borang Cadangan (atau semasa permohonan takaful ini) dan pada masa perjanjian ini ditandatangani. Jawapan dan sebarang pernyataan lain yang Peserta berikan akan menjadi sebahagian daripada kontrak takaful antara Peserta dan pihak Syarikat. Sekiranya terdapat sebarang salah nyata pada pra-kontrak berhubung dengan jawapan Peserta atau di mana-mana pernyataan yang diberikan oleh Peserta, ia mungkin mengakibatkan pembatalan kontrak takaful, keengganan atau pengurangan gantirugi, perubahan terma atau penamatan kontrak takaful Peserta.

Sijil ini bertindak atas terma-terma dan syarat-syarat kontrak takaful seperti yang telah dipersetujui antara Peserta dan pihak Syarikat

2. KEMALANGAN DAN PROSEDUR TUNTUTAN

- (a) Pihak Syarikat mestilah diberitahu secara bertulis atau melalui telefon dalam mana-mana kes dengan butiran kenderaan-kenderaan yang terlibat, tarikh kemalangan dan, jika mungkin, gambaran ringkas keadaan kemalangan tersebut dalam jangka waktu yang dicatatkan seperti berikut selepas kejadian yang mungkin menjadi subjek sesuatu tuntutan di bawah Sijil ini.
 - i) Dalam tempoh tujuh (7) hari jika Peserta dari segi fizikal berupaya atau tidak dimasukkan ke hospital berikutan kejadian itu.
 - ii) Dalam tempoh tiga puluh (30) hari atau secepat yang praktikal jika Peserta dari segi fizikal tidak berupaya dan dimasukkan ke hospital disebabkan kejadian itu.
 - iii) Selain dari (i) dan (ii), tempoh pemberitahuan lebih panjang mungkin dibenarkan tertakluk kepada bukti khusus oleh Peserta.
- (b) Sekiranya Kenderaan Peserta dilanggar oleh kenderaan Pihak Ketiga, Peserta boleh merujuk tuntutan untuk kos pembaikan tersebut kepada Pihak Syarikat. Kelayakan Diskaun Tanpa Tuntutan Peserta tidak akan terjejas sekiranya Pihak Syarikat memutuskan Peserta Takaful tidak bersalah. Keputusan mengenai kesalahan tersebut adalah mengikut budi bicara Pihak Syarikat sepenuhnya. Dengan syarat kenderaan Pihak Ketiga itu dilindungi, boleh dikenal pasti dan/atau bukan kenderaan digunakan untuk membawa penumpang bagi tujuan sewaan atau ganjaran (misalnya teksi, kereta sewa, bas awam, bas berhenti-henti, bas sekolah dan bas kilang untuk

ATTACHING TO AND FORMING PART OF TAKAFUL CERTIFICATE NO:

sewaan), bukan kenderaan yang dilindungi oleh bukan Penanggung Insurans/ Pengendali Takaful Malaysia dan tidak terlibat dengan tuntutan kecederaan peribadi.

- (c) Semua kemalangan mestilah dilapor kepada pihak polis seperti yang dikehendaki oleh Undang-undang.
- (d) Setiap komunikasi, writ, saman dan/atau proses daripada pihak yang lain mestilah dihantar kepada Pihak Syarikat serta-merta. Peserta juga mesti tanpa berlelah memberitahu Pihak Syarikat sekiranya Peserta tahu apa-apa pendakwaan, inkuies atau siasatan maut yang mungkin berbangkit. Sekiranya terjadi kecurian atau perbuatan lain yang boleh membawa kepada tuntutan di bawah Sijil ini, Peserta mestilah tanpa berlelah membuat laporan kepada polis dan bekerjasama dengan Pihak Syarikat dalam memastikan sabitan pesalah.
- (e) Perundingan, pengakuan, atau penolakan apa-apa tuntutan tidak boleh dibuat tanpa persetujuan bertulis daripada Pihak Syarikat terlebih dahulu.
- (f) Pihak Syarikat mempunyai budi bicara sepenuhnya terhadap pengendalian, pembelaan dan/atau penyelesaian mana-mana tuntutan.
- (g) Pembaikan Kenderaan Peserta tidak boleh dilakukan tanpa kebenaran bertulis daripada Pihak Syarikat terlebih dahulu.
- (h) Sekiranya Kenderaan Peserta terlibat dalam kemalangan dan membawa kepada tuntutan, Kenderaan Peserta mesti di bawa kepada Pembaik untuk diperbaiki. Kegagalan mengalih Kenderaan Peserta kepada Pembaik adalah pelanggaran terhadap syarat ini, dan Pihak Syarikat berhak untuk menolak liabiliti di bawah Seksyen A Sijil ini.
- (i) Dalam mana-mana peristiwa yang membawa kepada tuntutan atau satu siri tuntutan di bawah Seksyen B1(b) Sijil ini, Pihak Syarikat boleh membayar Peserta jumlah sepenuh liabiliti Pihak Syarikat mengikut Seksyen B1(b) dan melepaskan pengendalian apa-apa pembelaan, penyelesaian atau prosiding, dan Pihak Syarikat tidak akan bertanggungjawab bagi apa-apa kerugian yang dikatakan Peserta alami akibat daripada mana-mana tindakan atau peninggalan yang dikatakan telah Pihak Syarikat lakukan berkaitan dengan pembelaan, penyelesaian atau prosiding tersebut atau kerana Pihak Syarikat telah melepaskan pengendalian berkenaan begitu juga Pihak Syarikat tidak akan menanggung apa-apa kos atau perbelanjaan yang Peserta tanggung atau oleh mana-mana pihak yang menuntut atau sesiapa sahaja selepas Pihak Syarikat melepaskan pengendalian berkenaan.

3. PEMBATALAN

- (a) Peserta boleh membatalkan Sijil ini pada bila-bila masa dengan memberitahu Pihak Syarikat secara bertulis dan Pihak Syarikat akan membuat potongan sebanyak RM10.00 sebagai yuran pengendalian daripada bayaran balik Sumbangan
- (b) Pihak Syarikat juga boleh membatalkan Sijil ini dengan memberi Peserta notis empat belas (14) hari secara bertulis melalui surat berdaftar kepada alamat Peserta yang terakhir.
- (c) Peserta hendaklah dalam tempoh tujuh (7) hari dari tarikh pembatalan di bawah perenggan (a) atau (b) di atas, menyerahkan Sijil asal kepada Pihak Syarikat atau, menyediakan untuk Pihak Syarikat satu akuan berkanun jika Sijil berkenaan telah hilang atau musnah atau tidak diterima oleh Peserta.
- (d) Sekiranya pembatalan diminta oleh Peserta (asalkan tidak ada tuntutan dibuat dalam Tempoh Takaful semasa), Peserta adalah layak mendapat bayaran balik Sumbangan untuk kadar pro rata untuk tempoh yang belum tamat dikira dari tarikh penerimaan Sijil asal atau akuan berkanun sekiranya Sijil berkenaan telah hilang atau musnah atau tidak diterima oleh Peserta
- (e) Sekiranya pembatalan dibuat oleh Pihak Syarikat, Peserta layak mendapat bayaran balik Sumbangan untuk kadar pro rata bagi tempoh yang belum tamat dikira dari tarikh penerimaan Sijil asal atau akuan berkanun sekiranya Sijil berkenaan telah hilang atau musnah atau tidak diterima oleh Peserta.
- (f) Tiada bayaran balik Sumbangan bagi sebarang pembatalan Sijil sekiranya Sumbangan yang dikenakan adalah Sumbangan minimum sebanyak RM100.00.

4. PERBELANJAAN

Pihak Syarikat akan menanggung semua perbelanjaan operasinya. Peserta Takaful akan menanggung perbelanjaan yang berkaitan yang melibatkan kepentingan mereka seperti yang dibenarkan oleh pihak berkuasa.

5. TAKAFUL/INSURANS LAIN

Peserta mestilah memberikan notis bertulis kepada Pihak Syarikat jika Peserta mempunyai apa-apa Takaful/insurans lain yang melindungi Kenderaan Peserta. Jika pada masa apa-apa tuntutan timbul di bawah Sijil ini, terdapat sebarang Sijil/polisi lain yang melindungi kerugian, kerosakan atau liabiliti yang sama, Pihak Syarikat akan hanya membayar mengikut perkadaran setimpal bagi mana-mana kerugian, kerosakan, pampasan, kos atau perbelanjaan. Walau bagaimanapun, tiada apa-apa dalam syarat ini yang mengenakan Pihak Syarikat apa-apa liabiliti yang Pihak Syarikat tidak tertakluk kepada syarat tersebut.

6. SUBROGASI

Sekiranya perlu, Pihak Syarikat berhak untuk mengambil alih atas perbelanjaan Pihak Syarikat sendiri terhadap pengendalian pembelaan atau penyelesaian mana-mana tuntutan atas nama Peserta atau mendakwa atas nama Peserta untuk kepentingan Pihak Syarikat mana-mana indemniti atau kerugian atau sebaliknya. Pihak Syarikat mempunyai budi bicara mutlak dalam pengendalian sebarang prosiding dan dalam penyelesaian mana-mana tuntutan, dan Peserta hendaklah memberi semua maklumat dan bantuan yang berkenaan seperti mana yang Pihak Syarikat perlukan.

ATTACHING TO AND FORMING PART OF TAKAFUL CERTIFICATE NO:

7. PENIMBANGTARAAN

Semua pertelingkahan yang timbul daripada Sijil ini akan dirujuk kepada Penimbang Tara yang akan dilantik secara bertulis oleh Peserta dan Pihak Syarikat. Sekiranya Peserta dan Pihak Syarikat tidak dapat bersetuju dalam menentukan siapakah Penimbang Tara dalam masa satu (1) bulan yang diperlukan untuk berbuat demikian secara bertulis, maka Peserta dan Pihak Syarikat layak untuk melantik Penimbang Tara masing-masing yang akan mendengar pertelingkahan ini bersama-sama dengan seorang Pengadil yang dilantik oleh kedua-dua Penimbang Tara. Walau bagaimanapun disyaratkan bahawa mana-mana penafian tuntutan liabiliti oleh Pihak Syarikat bagi sebarang tuntutan mestilah dirujuk kepada Penimbang Tara dalam masa dua belas (12) bulan kalendar dari tarikh penafian tuntutan Pihak Syarikat kepada Peserta.

8. HAL-HAL LAIN

Sijil ini hanya akan berkuat kuasa sekiranya:

- (a) Sesiapa yang menuntut perlindungan telah mematuhi semua terma, syarat, Endorsmen, fasal atau waranti.
- (b) Peserta telah mengambil semua langkah pencegahan yang sewajarnya bagi menjaga Kenderaan Peserta supaya dalam keadaan selamat dan layak dipandu di jalanraya.
- (c) Peserta telah mengambil langkah pencegahan yang sewajarnya bagi menjaga Kenderaan Peserta daripada kerugian atau kerosakan.
- (d) Peserta mesti membenarkan Pihak Syarikat memeriksa Kenderaan Peserta pada bila-bila masa yang wajar.

9. PERUNTUKAN SUMBANGAN

Sumbangan Takaful yang diperuntukkan oleh Peserta Takaful seperti yang dinyatakan di dalam Jadual akan dimasukkan ke dalam Ta'awuni Account Pool (TAP) untuk membayar Yuran Wakalah kepada Dana Pemegang Saham dan Tabarru' kepada Dana Risiko. Pihak Syarikat akan menguruskan TAP mengikut prinsip Wakalah yang ditakrifkan oleh pihak Syarikat dan selaras dengan prinsip Syariah.

Pihak Syarikat akan mengenakan Yuran Wakalah sehingga 40% daripada Sumbangan Takaful pada permulaan tempoh Sijil Takaful berkuat kuasa dan baki Sumbangan Takaful akan diperuntukkan ke dalam Dana Risiko sebagai Tabarru' bagi membantu semua Peserta Takaful yang ditimpa musibah.

10. LEBIHAN

Pihak Syarikat akan mengenakan Caj Pengurusan Lebihan (SAC) sebanyak 50% daripada lebihan boleh-agih kasar dari Dana Risiko pada setiap akhir tahun kewangan. Walau bagaimanapun, Pihak Syarikat boleh, mengenakan caj SAC kurang daripada 50% daripada lebihan boleh-agih kasar mengikut budi bicara dan kesesuaian.

Sebarang lebihan boleh-agih bersih (selepas ditolak SAC) daripada Dana Risiko akan diperuntukkan seluruhnya (100%) kepada Peserta Takaful. Sekiranya jumlah untuk Peserta Takaful kurang daripada had yang diperuntukkan, maka jumlah berkenaan akan terus disimpan di dalam Dana Risiko atau didermakan kepada badan amal bagi pihak Peserta Takaful. Had serta kaedah dan tempoh penyelesaian pengagihan lebihan adalah seperti yang ditakrifkan di dalam Polisi Pengagihan Lebihan.

Sebarang kekurangan dalam Dana Risiko akan dibiayai melalui pinjaman tanpa faedah (Qard) daripada Dana Pemegang Saham. Caj ke atas pembiayaan ini hendaklah diambil kira terlebih dahulu bila mana lebihan diperolehi pada masa hadapan. Jika defisit di dalam Dana Risiko berlaku akibat dari kecuaihan pihak Syarikat, maka menjadi tanggungjawab pihak Syarikat untuk memastikan dana tersebut stabil melalui kaedah pindahan tanpa syarat (outright transfer) dan tidak dianggap sebagai pendahuluan melalui Qard.

11. PELEPASAN PENERIMAAN

Pembayaran sebarang amaun yang dibayar atau dibuat oleh pihak Syarikat akan dianggap sebagai pelepasan tanggungan yang sah kepada pihak Syarikat dan akan membebaskan pihak Syarikat daripada sebarang tuntutan atau permintaan yang berkaitan dengannya.

12. CUKAI

Sebarang sumbangan, yuran dan wang lain yang dibayar di bawah Sijil Takaful ini tertakluk kepada cukai, levi atau caj yang dikenakan oleh mana-mana pihak berkuasa di Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya.

13. PENGLIBATAN PIHAK KETIGA

Dalam menjalankan mandat yang diberikan oleh Peserta Takaful, mungkin wujud satu keperluan bagi pihak Syarikat untuk mendapatkan perkhidmatan pihak ketiga. Justeru, Peserta Takaful bersetuju membenarkan pihak Syarikat mendapatkan perkhidmatan daripada pihak ketiga untuk tujuan dan kepentingan peserta dan Perniagaan Takaful.

SEKIRANYA PESERTA MENJUAL KENDERAANNYA, MAKA NOTIS PENTING INI PERLU DIPATUHI:-

Peserta adalah diingatkan bahawa di bawah Akta Pengangkutan Jalan 1987 (Malaysia), adalah salah dari segi undang-undang bagi sesiapa menggunakan atau membenarkan mana-mana orang lain menggunakan kenderaan bermotor tanpa Sijil yang sah.

Peserta juga adalah diingatkan bahawa selepas kenderaan dijual, mereka hendaklah menyerahkan Sijil kepada pengendali Takaful. Sekiranya Sijil telah hilang atau musnah, satu akuan berkanun hendaklah dibuat. Kegagalan untuk mematuhi kewajipan tersebut adalah satu kesalahan di bawah Akta Pengangkutan Jalan. Sijil akan menjadi tidak sah apabila kenderaan telah dijual kepada orang lain melainkan jika pindah milik tersebut telah dimaklumkan dan Syarikat Takaful bersetuju memindahkan kepentingan dalam Sijil tersebut. Sekiranya Syarikat Takaful bersetuju untuk melindungi pemilik baru, mereka akan membuat Endorsmen ke atas Sijil pemilik asal dan mengeluarkan Sijil yang baru di atas nama pemilik baru.

SIJIL INI DAN SEMUA SYARAT HENDAKLAH DITELITI SEBAIK SAHAJA DITERIMA OLEH PESERTA DAN JIKA TERDAPAT SEBARANG KESILAPAN HENDAKLAH DIKEMBALIKAN DENGAN SEGERA UNTUK PEMBETULAN. DAN LANGGANAN YANG BERTERUSAN OLEH PESERTA

TERHADAP PELAN PERLINDUNGAN TAKAFUL INI DIANGGAP SEBAGAI PENERIMAAN DAN PERSETUJUAN PESERTA UNTUK DIIKAT DAN MEMAHAMI TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT SIJIL INI.

ENDORSMEN-ENDORSMEN

Endorsmen-endorsmen berikut tidak diterima pakai kecuali dinyatakan secara khusus di dalam Jadual Sijil.

1. ENDORSMEN 1: EKSES SEMUA TUNTUTAN

Peserta bertanggungjawab bagi RM (seperti di dalam Jadual Sijil) yang pertama bagi setiap dan tiap-tiap tuntutan yang kena bayar (termasuk kos dan perbelanjaan yang ditanggung oleh Pihak Syarikat dalam mengendalikan, membela dan menyelesaikan sebarang tuntutan) di bawah *Seksyen A / **Seksyen A 1(e) & (f) Sijil ini sebagai tambahan kepada sebarang eksek lain yang boleh diterima pakai. Jika perbelanjaan ditanggung oleh Pihak Syarikat itu termasuk amaun yang adalah tanggungjawab Peserta, amaun sedemikian hendaklah dibayar balik kepada Pihak Syarikat.

Selainnya tertakluk kepada terma dan syarat Sijil ini.

Nota : * Untuk Sijil Komprehensif
** Untuk Sijil Pihak Ketiga Kebakaran dan Kecurian

N.B.: Amaun eksek yang dinyatakan disini hendaklah diterima pakai sebagai tambahan kepada sebarang eksek lain yang mungkin boleh diterima pakai bagi Sijil ini.

2. ENDORSMEN 3(p): TAKAFUL PIHAK KETIGA SAHAJA

Perlindungan dalam Sijil ini dihadkan kepada Pihak Ketiga sahaja yakni Seksyen B (LIABILITI TERHADAP PIHAK KETIGA). Seksyen A (KERUGIAN ATAU KEROSAKAN PADA KENDERAAN) dibatalkan.

Selainnya tertakluk kepada terma dan syarat Sijil ini.

3. ENDORSMEN 3(q): TAKAFUL PIHAK KETIGA, KEBAKARAN DAN KECURIAN

Perlindungan dalam Sijil ini dihadkan kepada Pihak Ketiga Kebakaran dan Kecurian sahaja. Seksyen A (KERUGIAN ATAU KEROSAKAN PADA KENDERAAN) Sijil ini akan melindungi Peserta jika Kenderaan Peserta rosak atau hilang disebabkan oleh kebakaran, letupan, kilat, pecah-masuk, pecah rumah atau kecurian dan Seksyen B (LIABILITI TERHADAP PIHAK KETIGA).

Selainnya tertakluk kepada terma dan syarat Sijil ini.

4. ENDORSMEN 15: PEMBIAYAAN

Pihak Syarikat telah mengambil perhatian dan bersetuju bahawa (seperti di dalam Jadual Sijil I) (selepas ini dirujuk sebagai Pemilik) adalah Pemilik Kenderaan Peserta di bawah satu Perjanjian Pembiayaan yang dibuat antara Pemilik dan Peserta. Apa-apa bayaran untuk kerugian atau kerosakan terhadap Kenderaan Peserta (yang kerugian atau kerosakan tersebut tidak dipulihkan dengan pembaikan, pengembalian semula atau penggantian) di bawah Seksyen A Sijil ini akan dibayar kepada Pemilik selagi mereka masih menjadi Pemilik Kenderaan Peserta. Penerimaan bayaran tersebut oleh mereka hendaklah merupakan pelepasan penuh dan muktamad kepada Pihak Syarikat atas kerugian atau kerosakan sedemikian. Sijil ini dikeluarkan kepada Peserta sebagai pihak prinsipal dan bukan sebagai ejen atau pemegang amanah bagi Pemilik dan tidak sebagai suatu penyerahan hak oleh Peserta kepada Pemilik akan hak, manfaat atau tuntutan Peserta di bawah Sijil ini. Peserta tidak boleh menyerahkan hak akan hak manfaat dan tuntutan Peserta di bawah Sijil ini tanpa keizinan bertulis terlebih dahulu daripada Pihak Syarikat.

Selainnya tertakluk kepada terma dan syarat Sijil ini.

5. ENDORSMEN 15(a): PEMBIAYAAN MAJIKAN

Pihak Syarikat telah mengambil perhatian dan bersetuju bahawa majikan Peserta (seperti di dalam Jadual Sijil) mempunyai kepentingan atas wang yang kena dibayar kepada Peserta melalui Sijil ini berhubung dengan kerugian atau kerosakan terhadap Kenderaan Peserta (yang kerugian atau kerosakan tersebut tidak dipulihkan dengan pembaikan, pengembalian semula atau penggantian) dan wang sedemikian hendaklah dibayar kepada (seperti dalam Jadual Sijil) sehingga notis diberikan kepada Pihak Syarikat bahawa mereka tidak mempunyai sebarang kepentingan kewangan ke atas Kenderaan Peserta, dan penerimaan oleh mereka hendaklah merupakan pelepasan penuh dan muktamad akan liabiliti Pihak Syarikat berhubung dengan kerugian atau kerosakan sedemikian.

Melainkan melalui Endorsmen ini tidak ada apa dalam ini yang akan mengubah atau menjejaskan hak dan liabiliti Pihak Syarikat/ Peserta di bawah Sijil ini.

Selainnya tertakluk kepada terma dan syarat Sijil ini.

ATTACHING TO AND FORMING PART OF TAKAFUL CERTIFICATE NO:

6. ENDORSMEN 19: RISIKO PENUMPANG

Pihak Syarikat bersetuju bahawa Pengecualian (c) Seksyen B Sijil ini dibatalkan. Dengan syarat sekiranya kemalangan berlaku ketika kenderaan bermotor membawa lebih daripada (seperti yang dinyatakan di dalam Jadual Sijil) orang (selain daripada atendan konduktor jika ada dan pemandu) Peserta hendaklah membayar semula kepada Pihak Syarikat berhubung perkadaran setimpal daripada jumlah keseluruhan berbayar oleh Pihak Syarikat. Dengan syarat bahawa dalam menjumlahkan bilangan orang yang berkenaan bagi tujuan proviso sebelumnya, pelarasan hendaklah dibuat seperti yang dibenarkan oleh mana-mana perundangan bagi membawa kanak-kanak di dalam kenderaan bermotor.

Selainnya tertakluk kepada terma dan syarat Sijil ini.

7. ENDORSMEN 25: MOGOK, RUSUHAN DAN KEKECOHAN AWAM

Pihak Syarikat telah mengambil perhatian dan bersetuju bahawa perkataan-perkataan "mogok, rusuhan dan kekecohan awam" dalam Pengecualian Am Sijil ini tidak akan diterima pakai kepada mana-mana kemalangan, kerugian, kerosakan atau liabiliti yang disebabkan secara langsung oleh

1. perbuatan mana-mana orang yang mengambil bahagian bersama-sama dengan orang lain dalam apa-apa gangguan ketenteraman awam (sama ada yang berkaitan dengan mogok atau sekat-masuk atau tidak) atau tindakan pihak berkuasa yang sah di sisi undang-undang dalam membenteras atau percubaan untuk membenteras mana-mana gangguan sedemikian atau dalam mengurangkan akibat gangguan sedemikian.
2. perbuatan sengaja mana-mana pemogok atau pekerja yang disekat-masuk yang dilakukan sebagai lanjutan daripada suatu mogok atau sebagai tentangan kepada suatu sekat-masuk atau tindakan mana-mana pihak berkuasa yang sah disisi undang-undang dalam mencegah atau percubaan untuk mencegah mana-mana perbuatan sedemikian atau dalam mengurangkan akibat mana-mana perbuatan sedemikian.

Dengan syarat bahawa indemniti yang diberikan dengan sebab Endorsmen ini tidak akan diterima pakai bagi mana-mana kemalangan, kerugian, kerosakan atau liabiliti (melainkan setakat yang perlu bagi memenuhi kehendak Perundangan) secara langsung atau tidak langsung secara dekat atau jauh yang disebabkan oleh, yang diakibatkan oleh atau yang boleh dikesan kepada atau yang timbul daripada atau yang berkaitan dengan

- (a) peperangan, serangan, perbuatan musuh asing, permusuhan atau operasi seakan peperangan (sama ada peperangan diisytiharkan atau tidak diisytiharkan), peperangan sivil
- (b) dahagi, kekecohan awam yang hampir mencapai atau mencapai takat kebangkitan awam, kebangkitan tentera, pemberontakan, revolusi tentera, rampasan kuasa pihak tentera atau mana-mana perbuatan mana-mana orang yang bertindak bagi pihak atau yang berkaitan dengan mana-mana organisasi yang mempunyai aktiviti-aktiviti yang dihalakan bagi menumbangkan kerajaan de jure atau de facto atau dengan pengaruh keganasan atau kekerasan terhadapnya atau melalui akibat secara langsung atau tidak langsung mana-mana satu daripada kejadian tersebut.

Sekiranya terdapat sebarang tuntutan di bawah ini, Peserta hendaklah membuktikan bahawa kemalangan, kerugian, kerosakan atau liability tersebut timbul berasingan daripada dan tidak ada kena mengena dengan atau yang boleh dikesan kepada kejadian-kejadian tersebut atau mana-mana akibatnya dan sekiranya hal itu gagal dibuktikan, Pihak Syarikat tidak akan menanggung mana-mana bayaran yang berhubung dengan tuntutan sedemikian.

Selainnya tertakluk kepada terma dan syarat Sijil ini.

8. ENDORSMEN 30: PENGGANTIAN ALAT GANTI

Sekiranya alat ganti atau Aksesori bagi membaiki Kenderaan Peserta tidak terdapat di Malaysia, atau jika Pihak Syarikat menjalankan opsiyen Pihak Syarikat untuk membayar secara tunai bagi kerugian atau kerosakan, maka liabiliti Pihak Syarikat bagi alat ganti/ Aksesori sedemikian hendaklah

- (a) harga yang disebut di dalam katalog terkini atau senarai harga yang dikeluarkan oleh pembuat atau ejen mereka, atau sekiranya tidak wujud katalog yang sedemikian, harga di tempat kerja pembuat termasuk kos pengangkutan yang munasabah (kecuali fret udara) dan
- (b) kos yang munasabah bagi memasang alat ganti/ Aksesori sedemikian.

Selainnya tertakluk kepada terma dan syarat Sijil ini.

9. ENDORSMEN 38: KREN BERGERAK

Pihak Syarikat bersetuju bahawa berkaitan dengan kenderaan bermotor. Pihak Syarikat tidak akan bertanggungjawab:-

- (a) Di bawah Seksyen A Sijil ini ke atas kerugian atau kerosakan yang disebabkan oleh terbalik yang timbul daripada operasinya sebagai kelengkapan kenderaan atau dari jentera yang menjadi sebahagian daripada kenderaan tersebut atau yang dipasang dengannya kecuali untuk kehilangan dan kerosakan yang timbul secara langsung dari kebakaran, letupan luaran secara sendirinya atau kilat atau rompakan, pecah rumah atau kecurian.
- (b) Di bawah Seksyen B Sijil ini kecuali ianya diperlukan untuk memenuhi kehendak Perundangan yang mana liabiliti dikenakan ke atas Peserta yang timbul dari operasinya sebagai alatan kenderaan tersebut atau jentera yang menjadi sebahagian dari kenderaan atau yang dipasang dengannya.

ATTACHING TO AND FORMING PART OF TAKAFUL CERTIFICATE NO:

- N.B.1 Abaikan perenggan (a) untuk:-
- i) Sijil Pihak Ketiga
 - ii) Sijil Komprehensif apabila Sumbangan tambahan telah dibayar termasuk kerosakan akibat terbalik
- N.B.2 Bilamana potongan Sumbangan dibenarkan untuk pengecualian kerosakan ketika digunakan sebagai alat untuk perdagangan, abaikan daripada perenggan (a) perkataan “akibat daripada terbalik” dan “kecuali untuk kehilangan atau kecurian”.
- N.B.3 Bilamana Sumbangan tambahan telah dibayar untuk memasukkan risiko Pihak Ketiga ketika digunakan untuk perdagangan, abaikan perenggan (b) untuk Sijil Komprehensif dan untuk Sijil Pihak Ketiga abaikan Endorsmen keseluruhannya.

10. ENDORSMEN 38A: PERLUASAN PERLINDUNGAN KEROSAKAN TIDAK SENGAJA KEPADA BUM

Sebagai balasan pembayaran Sumbangan tambahan oleh Peserta kepada Pihak Syarikat, yang berikut dianggap dilindungi di bawah Seksyen A Sijil ini:-

“Kerosakan yang Tidak Sengaja dan Tidak Dijangka kepada Bum Kren tersebut semasa di dalam penggunaannya sebagai sebahagian alatan perniagaan.”

Pihak Syarikat tidak akan membayar kerosakan kepada Bum:-

- (a) disebabkan oleh kerosakan mekanikal
- (b) disebabkan oleh haus dan lusuh

Selainnya tertakluk kepada terma dan syarat Sijil ini.

11. ENDORSMEN 39: PENGEUALIAN RISIKO KERJA PIHAK KETIGA

Pihak Syarikat bersetuju bahawa di bawah Seksyen B Sijil ini, Pihak Syarikat tidak akan bertanggungjawab terhadap liabiliti yang ditanggung oleh Peserta yang timbul daripada pengendalian alat kenderaan bermotor tersebut atau sebarang jentera yang menjadi sebahagian daripada kenderaan bermotor tersebut atau dipasang kepadanya kecuali ia diperlukan untuk memenuhi kehendak Perundangan.

12. ENDORSMEN 57: PERLINDUNGAN TAMBAHAN BENCANA KHAS

Sebagai balasan bagi bayaran Sumbangan tambahan daripada Peserta kepada Pihak Syarikat, Seksyen A Sijil ini melindungi Peserta daripada peril berikut:-

Banjir, taufan, hurikan, ribut, ribut kencang, letusan gunung berapi, gempa bumi, tanah runtuh, gelinciran tanah, penurunan atau penenggelaman tanah ataupun konvulsi semulajadi lain.

Selainnya tertakluk kepada terma dan syarat Sijil ini.

13. ENDORSMEN 89: PERLINDUNGAN UNTUK CERMIN DEPAN/BELAKANG TINGKAP DAN BUMBUNG MATAHARI

Sebagai balasan bagi bayaran Sumbangan tambahan daripada Peserta kepada Pihak Syarikat, Pihak Syarikat akan membayar kos mengganti atau membaiki kaca cermin depan/belakang, tingkap atau tingkap bumbung termasuk filem salutan/filem penapis cahaya, jika ada, Kenderaan Peserta akibat pecahnya kaca tersebut sehingga suatu jumlah tidak melebihi RM (seperti di dalam Jadual Sijil). Dengan syarat tiada tuntutan dibuat untuk kerosakan selanjutnya terhadap Kenderaan Peserta, mana-mana tuntutan dibuat dibawah Endorsmen ini tidak boleh menjejaskan Diskaun Tanpa Tuntutan dan Peserta tidak bertanggung keatas mana-mana eksek yang dinyatakan dalam Sijil. Apabila tuntutan penggantian kaca cermin depan/belakang, tingkap atau tingkap bumbung diselesaikan manfaat ini hendaklah secara automatik ditamatkan kecuali perlindungan dikembalikan semula dengan suatu bayaran Sumbangan tambahan lanjutan. Peserta bagaimanapun, sentiasa tertakluk kepada persetujuan Pihak Syarikat sama ada diperolehi sebelum atau selepas pembaikan, mempunyai pilihan untuk membaiki kerosakan kaca cermin depan/belakang, tingkap atau tingkap bumbung pada Kenderaan Peserta. Sekiranya Peserta memilih untuk membaiki, Pihak Syarikat akan terus menyediakan manfaat ini kepada Peserta semasa tempoh perlindungan ini bagi jumlah seperti yang tercatat di atas:-

- (a) Selepas ditolak apa-apa tuntutan yang dibayar oleh Pihak Syarikat bagi tujuan membaiki; atau
- (b) Bagi jumlah asal dengan syarat Peserta telah membayar kepada Pihak Syarikat suatu Sumbangan tambahan lanjutan bagi mengembalikan jumlah asal perlindungan seperti dinyatakan di atas.

Walau bagaimanapun, sekiranya ada pertikaian terhadap pilihan pembaikan atau penggantian, keputusan Pihak Syarikat adalah muktamad.

Selainnya tertakluk kepada terma dan syarat Sijil ini.

14. ENDORSMEN 95: PAJAKAN

Pihak Syarikat telah mengambil perhatian dan bersetuju bahawa:-

1. (Seperti di dalam Jadual Sijil) (selepas ini dirujuk sebagai Pemberi Pajak) adalah pemilik Kenderaan Peserta yang merupakan perkara kepada suatu Perjanjian Pajakan yang dibuat antara Pemberi Pajak dan Peserta Sendiri di suatu pihak yang lain.

ATTACHING TO AND FORMING PART OF TAKAFUL CERTIFICATE NO:

2. Mana-mana bayaran yang dibuat berhubung dengan kerugian atau kerosakan (yang kerugian atau kerosakan itu tidak di pulihkan dengan cara pembaikan, pengembalian semula atau penggantian) mengikut mana-mana liabiliti undang-undang di pihak Pihak Syarikat kepada Peserta di bawah Seksyen A Sijil ini hendaklah dibuat kepada Pemberi Pajak selagi mereka merupakan pemilik Kenderaan Peserta dan penerimaan oleh mereka hendaklah merupakan pelepasan penuh dan muktamad kepada Pihak Syarikat berhubung dengan kerugian atau kerosakan sedemikian.
3. Tanpa mengira mana-mana peruntukan di dalam Perjanjian pajakan tersebut Sijil ini adalah dikeluarkan kepada Peserta sebagai pihak utama dan bukannya sebagai ejen atau pemegang amanah bagi Pemberi Pajak. Peserta tidak boleh menyerahkan kepada Pemberi Pajak (sama ada menurut undang-undang atau ekuiti) hak manfaat dan tuntutan Peserta di bawah Sijil ini.
4. Tidak ada yang dinyatakan di dalam ini yang boleh ditafsirkan sebagai mewujudkan atau meletak hak sebarang hak ke atas Pemilik/Pemberi Pajak untuk mendakwa Pihak Syarikat atas apa sifat jua pun bagi kemungkinan obligasi-obligasi Pihak Syarikat.

Selainnya tertakluk kepada terma dan syarat Sijil ini.

15. ENDORSMEN 106: BENGGEL YANG DIBENARKAN OLEH PENANGGUNG TAKAFUL/INSURANS

Syarat 2(h) pada Sijil ini adalah dipinda seperti berikut:-

Sekiranya Kenderaan Peserta terlibat dalam kemalangan dan menyebabkan tuntutan, Kenderaan Peserta mestilah dihantar kepada bengkel Skim Bengkel Pembaikan Yang Diluluskan oleh PIAM (SBPP) yang dipilih dan diluluskan oleh Pihak Syarikat untuk pembaikan. Kegagalan untuk mengalih Kenderaan Peserta ke bengkel yang diluluskan adalah pelanggaran Endorsmen ini dan Pihak Syarikat mempunyai hak untuk menolak liabiliti dibawah Seksyen A Sijil ini.

Selainnya tertakluk kepada terma dan syarat Sijil ini.

16. ENDORSMEN 109: PERLUASAN PERLINDUNGAN TRANSIT FERI DAN/ATAU DARI SABAH DAN WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN

Pihak Syarikat akan menanggung Peserta di bawah Seksyen A Sijil ini jika Kenderaan Peserta rosak atau hilang semasa dalam transit dan/atau dari Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan. Sekiranya apa-apa tuntutan yang timbul daripada perluasan ini, Peserta adalah bertanggungjawab berkenaan setiap kejadian dan setiap eksekutif sebanyak 1% daripada jumlah perlindungan atau RM500 (mana lebih tinggi) sebagai tambahan kepada eksekutif yang dinyatakan dalam Jadual.

Selainnya tertakluk kepada terma dan syarat Sijil ini.

WARANTI

Waranti berikut tidak diterima pakai kecuali dinyatakan secara khusus di dalam Jadual Sijil.

1. WARANTI NO.1 WARANTI KEATAS LEBIHAN MUATAN KENDERAAN

Adalah diwarantikan bahawa Pihak Syarikat tidak akan bertanggungjawab di bawah Seksyen A Sijil ini sekiranya pada masa berlaku kemalangan yang menimbulkan sesuatu tuntutan di bawah Sijil ini, Kenderaan Peserta membawa muatan yang berlebihan dari berat yang dibenarkan dan/atau bilangan penumpang yang dinyatakan di dalam buku pendaftaran Kenderaan Peserta. Dengan syarat waranti ini tidak diterima pakai kecuali muatan yang berlebihan melebihi 10% dari berat yang dibenarkan (untuk kenderaan membawa barang).

Selainnya tertakluk kepada terma dan syarat Sijil ini.

Nota:- Untuk tujuan pengiraan bilangan orang di mana kanak-kanak dibawa, pelarasan yang sewajarnya hendaklah dibuat seperti yang dibenarkan oleh mana-mana perundangan bagi membawa kanak-kanak di dalam kenderaan bermotor.

NOTIS PENTING

Kami amat prihatin dengan perkhidmatan yang kami berikan kepada pelanggan kami, dan adalah menjadi tanggungjawab kakitangan kami untuk memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada pelanggan kami. Sekiranya terdapat sebarang kekurangan di pihak kami, sila utarakan kepada kami melalui:

**Jabatan Pengurusan Perhubungan Pelanggan,
Takaful Ikhlas General Berhad,
IKHLAS Point, Tower 11A, Avenue 5, Bangsar South,
No. 8 Jalan Kerinchi, 59200 Kuala Lumpur.**

Tel: +603-27239696
Faks: +603-27239998
Emel: complaints@takaful-ikhlas.com.my

Untuk notis undang-undang yang perlu diserahkan secara terus atau mana-mana surat rasmi, sila hantarkan ke:

**Takaful Ikhlas General Berhad,
IKHLAS Point, Tingkat 9, Menara 11A, Avenue 5, Bangsar South,
No. 8, Jalan Kerinchi, 59200 Kuala Lumpur.**

Untuk perhatian: Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif

ATTACHING TO AND FORMING PART OF TAKAFUL CERTIFICATE NO:

Kami akan memastikan masalah anda dikaji secara komprehensif. Namun, sekiranya masih wujud ketidakpuasan hati, sila kemukakan pemasalahan anda kepada jabatan berikut untuk siasatan kepada amalan pasaran yang tidak adil oleh Pengendali Takaful / Syarikat Insurans.

PROSEDUR MEMBUAT ADUAN KEPADA OMBUDSMAN PERKHIDMATAN KEWANGAN

1. Mana-mana Peserta yang tidak berpuas hati dengan keputusan pihak pengurusan kanan sesebuah Pengendali Takaful boleh menulis kepada "Ombudsman Perkhidmatan Kewangan", dengan memberikan butiran tentang perselisihan, nama Pengendali Takaful dan nombor Sijil.
2. Salinan surat-menyurat antara Peserta dengan Pengendali Takaful boleh disertakan untuk memudahkan kerja mencari fail kes yang disimpan oleh Pengendali Takaful.
3. Jika Pengantara membuat cadangan pampasan terhadap Pengendali Takaful, Peserta dikehendaki memberitahu Pengantara sama ada dia menerima cadangan tersebut dalam tempoh empat belas (14) hari, agar Pengendali Takaful boleh diberitahu tentang keputusan Peserta Takaful.
4. Ombudsman Perkhidmatan Kewangan tidak menjalankan prosedur rayuan. Jika Peserta tidak mahu menerima pampasan tersebut, Peserta boleh menolak keputusan Pengantara dan bebas memulakan prosiding Mahkamah terhadap Pengendali Takaful atau merujuk kepada Penimbang Tara.
5. Ombudsman Perkhidmatan Kewangan tidak bertanggungjawab untuk menguruskan pembayaran berikutan keputusan Pengantara. Pengendali Takaful, apabila dimaklumkan tentang penerimaan pampasan tersebut, hendaklah membayar jumlah tersebut terus kepada pihak yang menuntut dalam masa tiga puluh (30) hari.
6. Pada masa ini, Ombudsman Perkhidmatan Kewangan tidak mengenakan apa-apa yuran atau bayaran bagi khidmat yang diberikan.

Alamat surat-menyurat adalah seperti yang berikut:

Ombudsman Perkhidmatan Kewangan (664393P)

Tingkat 14, Blok Utama,
Menara Takaful Malaysia,
No 4, Jalan Sultan Sulaiman
50000 Kuala Lumpur.
Tel : 603-2272 2811
Faks : 603-2272 1577
Emel: enquiry@ofs.org.my
Laman sesawang: www.ofs.org.my

PROSEDUR MEMBUAT ADUAN KEPADA BNMTELELINK

Mana-mana Peserta atau pihak menuntut yang tidak berpuas hati dengan pengendalian Pengendali Takaful boleh menulis kepada BNMTELELINK dengan memberikan butiran tentang aduan, nama Pengendali Takaful dan nombor Sijil atau nombor tuntutan.

Salinan surat-menyurat (jika ada) antara Peserta atau pihak menuntut dengan Pengendali Takaful boleh disertakan untuk memudahkan kerja mencari fail kes yang disimpan oleh Pengendali Takaful.

Alamat surat-menyurat adalah seperti yang berikut:

Contact Centre (BNMTELELINK)

Laman Informasi Nasihat dan Khidmat (LINK)
Bank Negara Malaysia
Peti Surat 10922
50929 Kuala Lumpur
Tel : 1-300-88-5465 (1-300-88-LINK)
Faks : 03-21741515
Emel: bnmtelink@bnm.gov.my